

Syor Jabatan Laut laksana penandaan, bina rumah api

KOTA KINABALU: Kementerian Pengangkutan akan mencadangkan supaya Jabatan Laut diberi tanggungjawab melaksanakan urusan penandaan dan membina rumah api di pulau serta batuan perairan seluruh negara, sejajar usaha mengumpul bukti pemilikan, keberkesanan kawalan dan kedaulatan terhadap apa yang selayaknya berada dalam bidang kuasa Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri, berkata ketika ini Jabatan Laut melakukan penandaan batuan dan pulau bagi tujuan keselamatan aktiviti perkapalan tetapi tidak menyentuh aspek kedaulatan perairan negara yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Masalahnya, MKN dikatakan tidak mempunyai peralatan dan kakitangan mencukupi bagi tujuan itu sedangkan Jabatan Laut memiliki semuanya, cuma tidak diberi bidang kuasa melebihi apa yang ada sekarang.

"Keutamaan kita ialah memastikan kepentingan dan hak negara dipelihara. Jika persempadanan perairan wilayah tidak ditanda dengan sempurna dan disimpan maklumatnya, ia mungkin terlepas ke tangan negara lain.

"Kita mesti bertindak cepat dan cekap dalam hal ini dan tidak mahu insiden seperti 'kehilangan' Pulau Batu Putih berulang, maka mengapa tidak Jabatan Laut diberi tugas yang sememangnya berada dalam ruang lingkup fungsi mereka, cuma

diperluaskan skopnya.

"Setiap pergerakan tektonik akan menyebabkan batuan atau pulau muncul secara tiba-tiba dari dasar laut dan setiap inci batuan itu mempunyai signifikan dari segi perairan wilayah," katanya ketika dihubungi *Berita Minggu*, semalam.

Kelmarin, beliau diberi taklimat mengenai fungsi Jabatan Laut daripada Timbalan Ketua Pengarahnya, Baharin Abdul Hamid, di Teluk Sepanggar, dekat sini.

Secara dasarnya, Jabatan Laut adalah penyedia perkhidmatan terhadap keselamatan industri maritim dan agensi itu memiliki infrastruktur, peralatan dan kakitangan lengkap bagi melaksanakan tugas memperkuatkan kedaulatan negara.